

09/12/2000

Isu harga limau mandarin dapat perhatian pembaca

Teh Kean Kiat

ISU harga dan bekalan limau mandarin menjelang Tahun Baru Cina Januari ini mendapat perhatian beberapa akhbar Cina. Nanyang Siang Pau dan Sin Chew Jit Poh melaporkan keputusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KDNHEP) menyenaraikan limau mandarin sebagai barang kawalan harga menjelang perayaan itu.

Kelmarin, Setiausaha Parlimennya, Wong Kam Hong, dipetik Nanyang Siang Pau dan Sin Chew Jit Poh sebagai berkata, limau mandarin akan dibahagikan mengikut jenis dan pihaknya akan menetapkan harga maksimum bagi setiap kilogram limau seminggu sebelum dan selepas Tahun Baru Cina.

Beliau berkata, langkah itu diambil bagi mengelakkan peniaga yang sengaja menyimpan stok untuk menaikkan harganya.

Bagaimanapun, Wong berkata, pihaknya akan berbincang dengan wakil pengimport dan pemborong limau mandarin sebelum penetapan harga itu dibuat.

Sementara itu, sebahagian peniaga yang menjual 13 barang kawalan merungut kerana pendapatan mereka terjejas berikutan cuaca buruk dan penetapan harga oleh kerajaan.

Tindakan mengawal harga barang itu juga dianggap tidak adil bagi petani dan nelayan.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berharap kerajaan dapat memberi bantuan kepada petani bagi meringankan beban mereka apabila musim tengkujuh tiba.

Dalam perkembangan lain, China Press keluaran Selasa lalu melaporkan gabungan pertubuhan pendidikan Cina, Dong Jiao Zong, mungkin berjumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjelaskan keadaan sebenar.

Kelmarin, ketiga-tiga akhbar berbahasa Cina melaporkan Dong Jiao Zong beranggapan bahawa semua sekolah berlainan aliran harus diberi peluang untuk 'menyerlahkan bakat' serta cara menguruskan sekolah masing-masing, memupuk budaya pelbagai bangsa dan melahirkan rakyat yang berfikiran terbuka untuk menambah daya saing negara.

Sementara itu, Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) beranggapan bahawa bantahan terhadap konsep Sekolah Wawasan adalah kehendak sebahagian besar masyarakat Cina, bukannya segelintir pendidik Cina saja.

Bagaimanapun, Naib Presiden MCA, Datuk Dr Fong Chan Onn, dipetik Sin Chew Jit Poh edisi Isnin sebagai berkata, MCA akan cuba untuk membina lebih banyak sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (SRJKC) di kawasan yang mempunyai ramai penduduk Cina.

Menurutnya, MCA akan bertindak untuk membuktikan kepada masyarakat Cina bahawa konsep Sekolah Wawasan dapat mengekalkan identiti dan bahasa ibunda kaum Cina.

Ahad lalu, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim, dipetik Sin Chew Jit Poh sebagai berkata, semua mata pelajaran kecuali bahasa Melayu dan Inggeris harus diajar dalam bahasa Mandarin oleh guru Cina.

Beliau menyeru ibu bapa supaya membuat laporan kepada kementeriannya jika mendapati ada di kalangan sekolah itu yang tidak mematuhi peraturan terbabit.

Hon berkata, masyarakat Cina tidak harus bimbang yang bahasa ibunda mereka akan hilang kerana Seksyen 17 (1) Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahasa pengantar semua sekolah adalah bahasa Melayu kecuali

sekolah rendah jenis kebangsaan.
(END)